

02 MAY 2002

DR MAHATHIR DEDAHKAN SATU RAHSIANYA

JITRA, 2 Mei (bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan satu daripada rahsia beliau yang tidak suka berlengah-lengah -- beliau menetapkan jam tangannya lima minit lebih cepat dari waktu biasa.

"Saya suka cepat...tak suka lambat," kata Perdana Menteri di akhir ucapannya ketika merasmikan secara serentak persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu dan sistem pengurusan maklumat pengundi Kubang Pasu di Dewan Darul Qiyam, Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Nyior di sini.

Ketika itu, jam menunjukkan pukul 11.25 pagi.

Sambil melihat pada jam tangannya, Dr Mahathir berkata : "Jam dah 11.30 pagi (walaupun waktu sebenar ialah 11.25 pagi). Jam saya cepat daripada orang lain pasal saya nak sampai cepat selalu."

Ada baiknya juga kita amalkan apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri kita ini.

-- BERNAMA

JM HS MAI